



MOD.100-2/1/2 Jld 7 (35) 05/07

HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA DAN REPUBLIK TURKIYE
PERKUKUH KERJASAMA PERTAHANAN ANTARA DUA NEGARA

1. **REPUBLIK TÜRKİYE, 25 JULAI 2025 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** telah mengetuai delegasi Malaysia dalam Lawatan Kerja Rasmi ke Republik Türkiye bermula dari 23 hingga 25 Julai 2025 bagi menghadiri **17th International Defence Industry Fair 2025 (IDEF 2025)**.
2. IDEF 2025 merupakan pameran industri pertahanan dwitahunan yang dianjurkan **KFA Fairs Organization Incorporated** dengan sokongan **Turkish Armed Forces Foundation, Presidency of the Republic of Türkiye Secretariat of Defence Industries** dan **Republic of Türkiye Ministry of National Defence**.
3. YB Menteri Pertahanan telah memulakan lawatan rasmi dengan mengadakan **kunjungan hormat ke atas Prof. Haluk GÖRGÜN, Setiausaha Agensi Industri Pertahanan Republik Turkiye (Savunma Sanayii Başkanlığı, SSB)** di sela-sela pameran industri IDEF 2025 dan diberikan taklimat mengenai SSB yang merupakan pemacu pembangunan industri pertahanan Republik Türkiye sehingga menjadi antara pemain industri pertahanan utama di dunia.
4. Semasa menghadiri IDEF 2025, YB Menteri Pertahanan telah menyaksikan majlis penyerahan **Kontrak Penyertaan kepada syarikat-syarikat yang akan menyertai 19th Defence Services Asia Exhibition and Conferences 2026 (DSA 2026)** yang dijadualkan bermula pada 20 hingga 23 April 2026 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur.
5. YB Menteri Pertahanan turut mengadakan **pertemuan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Yugar Mustafayev, Menteri Industri Pertahanan, Republik Azerbaijan**. Di dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak telah membincangkan peluang kerjasama strategik dalam bidang pertahanan, termasuk perkongsian teknologi, latihan ketenteraan dan pertukaran kepakaran. Pertemuan ini turut memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Azerbaijan dalam usaha memperluas jaringan kerjasama pertahanan.
6. YB Menteri Pertahanan kemudiannya meneruskan program dengan **mengadakan pertemuan ke atas rakan sejawat beliau, TYT Yaşar Güler, Menteri Pertahanan Nasional Republik Türkiye** di sela-sela pameran industri IDEF 2025. Semasa pertemuan tersebut, Malaysia dan Republik Türkiye bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama pertahanan dua hala ke peringkat lebih tinggi dalam pelbagai bidang khususnya ketenteraan, pembangunan kapasiti, pertukaran maklumat serta sains, teknologi dan industri pertahanan. YB Menteri Pertahanan juga turut menjemput TYT Yaşar Güler untuk hadir ke DSA 2026 pada 20 hingga 23 April 2026.

7. Sepanjang berada di IDEF 2025, YB Menteri Pertahanan dan delegasi turut mengadakan lawatan ke reruai syarikat-syarikat industri pertahanan Republik Türkiye iaitu Turkish Aerospace Industries (TUSAŞ), ASELSAN, DASAL, OTOKAR, CTECH, ASFAT, ARES Shipyard dan ESEN.
8. YB Menteri Pertahanan juga turut menyaksikan **tujuh (7) Memorandum Persefahaman (MOU) ditandatangani di antara syarikat tempatan Malaysia dan Republik Türkiye melibatkan pelbagai jenis kerjasama pertahanan**. Ini menandakan komitmen bersama dalam memperkukuhkan kerjasama strategik dalam bidang khususnya industri pertahanan.
9. Pada hari kedua lawatan, YB Menteri Pertahanan turut **meninjau kemajuan kerja-kerja pembinaan Littoral Mission Ship Batch 2 (LMSB2) untuk TLDM di Istanbul Shipyard**. Berdasarkan kemajuan kerja semasa, **kapal LMSB2 dijangka siap dan dilancarkan pada pertengahan tahun 2026 sebelum diserahkan kepada TLDM pada penghujung tahun 2027**. Perolehan kapal LMSB2 pada pertengahan tahun 2026 ini bakal memperkukuh keupayaan pertahanan negara, khususnya dalam melaksanakan tugas cegah rintang bagi menjamin keselamatan perairan Malaysia.
10. Lawatan rasmi ke Republik Türkiye oleh YB Menteri Pertahanan merupakan **satu aktiviti di bawah Tonggak Ketiga Strategi Pertahanan Negara, iaitu Perkongsian Berwibawa seperti yang digariskan oleh Kertas Putih Pertahanan** yang menekankan kepentingan hubungan pertahanan antarabangsa dalam memastikan keselamatan negara, kestabilan serantau dan keamanan sejagat.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
25 Julai 2024